

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

# KL minat belajar produk kanabis dalam perubatan

**Saling bertukar maklumat klinikal, teknikal dengan Bangkok pastikan keberkesanan dan keselamatan**

**Bangkok:** Malaysia berminat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kanabis, terutama dalam aspek aplikasi berasaskan perubatan untuk kegunaan perubatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, juga berharap Malaysia dan Thailand akan terus saling bertukar pengetahuan teknikal serta penyelidikan klinikal untuk memastikan keselamatan serta keberkesanan produk kanabis dalam perubatan.

"Pegawai kami (Malaysia dan

Thailand) masih meneruskan pertukaran maklumat teknikal supaya kami lebih memahami bukti klinikal penggunaan kanabis untuk tujuan perubatan serta kerangka kerja pengawalseliaan baharu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama rakan sejawatannya, Anutin Charnvirakul, di sini, kelmarin.

Khairy dalam lawatan kerja empat hari atas undangan Anutin, yang juga Timbalan Perdana Menteri Thailand.

Terdahulu, Khairy melawat Pertubuhan Farmaseutikal Kerajaan (GPO) dan diberi taklimat mengenai dasar perubatan kanabis di Thailand, termasuk amalan, kaedah penanaman dan penyelidikan serta penggunaan kanabis dan ketum untuk tujuan kesihatan.

Sempena lawatan kerja itu, Khairy turut melawat Hospital Antarabangsa Bumrungrad iaitu antara hospital swasta terbesar di Asia Tenggara, untuk mempelajari amalan terbaik dalam pelancongan perubatan.

Pada 9 Jun lalu, Thailand men-



Khairy (dua dari kanan) bersama Anutin (dua dari kiri) melihat tanaman dan produk kanabis ketika melawat GPO di Pathum Thani Bangkok, semalam. (Foto BERNAMA)

jadi negara Asia Tenggara pertama membenarkan penanaman dan pemilihan kanabis untuk perubatan.

## Bincang bekai produk

Khairy berkata, mereka turut berbincang mengenai potensi dan peluang Thailand membekalkan Malaysia produk kanabis melalui GPO untuk tujuan penyelidikan klinikal bagi keselamatan serta keberkesanan penggunaan produk kanabis.

"Saya turut meminta Anutin mengkaji kemungkinan Malaysia membekalkan Thailand dengan daun dan pokok ketum mentah," katanya.

Khairy turut berterima kasih kepada Anutin yang mempelawanya mengetahui potensi penggu-

naan kanabis dan ketum serta kerangka kerja undang-undang untuk kegunaan perubatan.

"Tahniah kepada Anutin dan Kementerian Kesihatan Awam Thailand yang berjaya mengubah kanabis menjadi sesuatu yang membawa manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat Thailand," katanya.

Khairy berkata, penanaman kanabis menawarkan sumber pendapatan baharu untuk petani dan orang ramai.

Ditanya sama ada Malaysia bercadang membenarkan penggunaannya untuk tujuan perubatan, beliau berkata, jika ada bukti klinikal yang membolehkannya.

"Antara ilmu penting yang diperolehi daripada pengalaman di Thailand ialah mengenai data kli-

nikal dan data yang dikumpul sejak penggunaan kanabis untuk perubatan.

"Sekiranya berpuas hati dengan data itu, ia akan mempengaruhi kami membenarkan penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan," katanya.

Beliau berkata, langkah Thailand menerajui usaha membenarkan penanaman dan pemilihan kanabis untuk tujuan perubatan ialah contoh yang baik di rantau ASEAN dengan negara anggota lain boleh menggunakan data yang ada bagi merangka dasar.

Sementara itu, Anutin berharap dapat berkongsi pengalaman Thailand dalam perubatan kanabis dengan Khairy dan Malaysia.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Simposium Antarabangsa Sains Kesihatan 2022

# Tawar idea, penyelesaian isu kesihatan awam

Medan terbaik semua pihak berkongsi, tukar pengetahuan

Oleh Nas Norziela  
Nashah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Simposium Antarabangsa Sains Kesihatan 2022 atau i-SIHAT 2022 dilihat masa yang sesuai untuk semua pihak mengorak langkah pertama ke arah perkongsian dan pertukaran pengetahuan, selain idea serta pengalaman yang boleh menjadikan dunia tempat yang lebih baik untuk didiami.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua pihak perlu bersungguh-sungguh menerima inovasi dalam menambah baik sistem penjagaan kesihatan, dalam usaha negara memerangi COVID 19.

Beliau berkata, ia boleh dicapai menerusi persidangan i-SIHAT 2022 yang menawarkan idea dan penyelesaian untuk isu kesihatan awam.

"Ketika dunia berdepan dengan penularan COVID 19, aplikasi dan inisiatif teknologi digunakan dalam usaha untuk menghentikan penyebaran penyakit ini seperti rawatan, pesakit selain mengurangkan tekanan pekerja penjagaan kesihatan di samping membangunkan vaksin baharu yang berkesan.

"Di saat setiap orang memerlukan maklumat sahih termasuk wabak penyakit ini, pengawasan maklumat digital dan teknologi sudah dikeluarkan untuk mengumpul data serta bukti yang boleh dipercayai bagi menyokong keputusan kesihatan awam," katanya semalam.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan i-SIHAT 2022 yang dianjurkan Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Management and Science University (MSU) dan Universitas Gadjah Mada, Indonesia.

Simposium bertemakan 'Membina Daya Tahan Semasa Pandemik COVID 19: Menerajui Sains Kesihatan' itu dihadiri 300 peserta dari seluruh negara terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran masing-masing.

Yang turut hadir Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur, UKM, Prof Datuk Dr Hanafiah Harunarashid, Dekan Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof Dr Suzana Shahr dan Pengerusi i-Sihat 2022, Prof Dr Hidayatul Fathi Othman.

## Graf pandemik

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata lagi, bagi mengurangkan penularan wabak COVID 19, pergerakan kini terhad dalam kepercayaan masyarakat untuk mengembara dan berinteraksi dengan orang lain di seluruh dunia.

"Ini mendorong kita semua beralih ke arah teknologi dalam talian seperti

persidangan yang diadakan hari ini (semalam).

"Kita percaya persidangan ini akan membolehkan kita duduk bersama dan mengumpul pandangan serta kemas kini yang boleh diakses mengenai situasi wabak atau tindak balas menurut kesihatan awam," katanya.

Dalam perkembangan sama, Noor Hisham ketika dihubungi BH berkata, graf pandemik COVID 19 yang menunjukkan penurunan adalah terkawal.

"Setakat ini, Alhamdulillah pandemik COVID-19 masih terkawal di negara, walaupun semua sektor dan pintu masuk antarabangsa telah dibuka," katanya.

Sementara itu, Dr Hanafiah dalam ucapannya berkata, tema persidangan yang dipilih mengingatkan semua pihak berkenaan kepentingan penyelidikan dan inovasi sains kesihatan untuk menghadapi masa kini serta ke hadapan mengenai risiko kesihatan kesejahteraan manusia.

Katanya, penyelidikan sains kesihatan amat berharga kepada masyarakat. Ia boleh memberikan maklumat penting berkenaan trend penyakit dan faktor risiko, hasil rawatan atau campur tangan kesihatan awam selain kebolehan berfungsi, corak penjagaan serta kos penggunaan penjagaan kesihatan.

"Pendekatan penyelidikan yang berbeza menghasilkan pandangan yang lengkap selain penemuan utama, pembangunan terapi baharu serta peningkatan luar biasa dalam penjagaan kesihatan awam," katanya.

Semua pihak perlu bersungguh-sungguh menerima inovasi dalam menambah baik sistem penjagaan kesihatan

Dr Noor Hisham  
Abdullah, Ketua  
Pengarah Kesihatan



Pendekatan penyelidikan yang berbeza menghasilkan pandangan lengkap selain penemuan utama, pembangunan terapi baharu

Hanafiah Harunarashid,  
Pro Naib Canselor Kampus  
Kuala Lumpur, UKM



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

# Siasat tunda bedah 3 kali

**Jabatan Kesihatan Negeri Kedah cari punca pembedahan bahu lelaki ditangguh banyak kali**

**Alor Setar**

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah sedang menyiasat punca sebenar berhubung isu penundaan pembedahan seorang pesakit di Hospital Kulim, baru-baru ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah Dr Othman Warijo berkata, siasatan itu sebagai tindakan segera susulan hantaran 'isu Hospital Kulim memang makin menjadi-jadi sekarang' oleh seorang individu yang tular di media sosial, semalam.

"Isu ini membabitkan pe-

nundaan pembedahan pesakit sebanyak tiga kali di Hospital Kulim dan siasatan awal mendapati aduan mengenai seorang pesakit lelaki yang mengalami masalah ketulan (*lump*) di bahagian bahu.

"Nama pesakit dimasukkan dalam senarai pembedahan elektif, tetapi ditunda beberapa kali bagi memberi laluan kepada pembedahan kes yang memerlukan pembedahan segera," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Othman berkata, pihak pengurusan hospital

sudah menghubungi pengadu melalui panggilan telefon dan menerangkan situasi sebenar.

"Pihak pengadu menerima penjelasan dengan baik dan seterusnya bersetuju memadamkan hantaran berkenaan dan JKN Kedah juga mengakui kesulitan dihadapi oleh pesakit akibat penundaan pembedahan itu dan memohon maaf kepada pesakit dan keluarga," katanya.

Dr Othman berkata, JKN Kedah dan Hospital Kulim sedang meneruskan siasatan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

**Putrajaya:** Kes harian Covid-19 menunjukkan sedikit peningkatan kelmarin namun masih dalam lingkungan 3,000 kes.

Covidnow melaporkan 2,722 kes direkod berbanding 2,078 kes pada Selasa dengan 2,717 kes adalah penularan tempatan manakala lima lagi kes import.

Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan Covid-19 di Malaysia adalah

## 11 kes kematian dilaporkan termasuk tiga BID

4,762,552 kes.

Negara kini masih merekodkan 35,551 kes aktif dengan kebolehhajjangan Covid-19 dan daripada bilangan itu, sejumlah 34,068 kes bersamaan 95.8 peratus sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, sebanyak 1,384

kes atau 3.9 peratus mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (31 kes), unit rawatan rapi (ICU) (68) termasuk 41 kes daripada mereka memerlukan

alat bantuan pernafasan.

Mengenai situasi penggunaan ICU di negara ini, secara keseluruhannya kadar kegunaannya adalah 61.3 peratus dan untuk rawatan pesakit

Covid-19 sahaja adalah 18.9 peratus.


Dalam pada itu, terdapat 11 kes kematian dilaporkan termasuk tiga daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban akibat jangkitan itu mening-

kat kepada 36,166 kes termasuk 7,684 kes adalah pesakit Covid-19 yang meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Seramai 4,856 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah pesakit yang sudah pulih daripada penularan virus itu adalah 4,690,835 kes.

Kes harian Covid-19 masih dalam lingkungan 3,000 kes



KANABIS: MENTERI KESIHATAN KE THAILAND

## 'Boleh guna jika ada bukti klinikal'

KHAIRY (dua dari kanan) ketika melawat Pertubuhan Farmaseutikal Kerajaan (GPO).

**Bangkok**

Malaysia berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kanabis terutama dalam aspek aplikasi berasaskan penyelidikan dan produk farmaseutikal untuk kegunaan perubatan, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau juga berharap Malaysia dan Thailand akan terus saling bertukar pengetahuan teknikal dan penyelidikan klinikal untuk memastikan keselamatan serta keberkesanan produk kanabis dalam perubatan.

"Pegawai kami (Malaysia dan Thailand) masih meneruskan pertukaran maklumat teknikal supaya kami lebih memahami bukti klinikal penggunaan kanabis untuk tujuan perubatan ser-

ta kerangka kerja pengawalseliaan baharu," katanya pada sidang media bersama rakan sejawatannya Anutin Charnvirakul di sini, Selasa.

Khairy sedang mengadakan lawatan kerja empat hari atas undangan Anutin, yang juga Timbalan Perdana Menteri Thailand.

Terdahulu, Khairy melawat Pertubuhan Farmaseutikal Kerajaan (GPO) dan diberi taklimat mengenai dasar perubatan kanabis di Thailand, termasuk amalan, kaedah penanaman dan penyelidikan serta penggunaan kanabis dan ketum untuk tujuan kesihatan.

Pada 9 Jun, Thailand men-

jadi negara Asia Tenggara pertama yang membenarkan penanaman dan pemilikan kanabis untuk perubatan.

Khairy berkata, beliau dan Anutin turut berbincang mengenai potensi dan peluang Thailand

membekalkan Malaysia produk kanabis melalui GPO untuk tujuan penyelidikan klinikal bagi keselamatan dan keberkesanan penggunaan produk kanabis.

"Saya turut meminta Anutin untuk mengkaji kemungkinan Malaysia membekalkan Thailand dengan daun dan pokok ketum mentah," katanya.

Khairy turut mengucap-

kan terima kasih kepada Anutin yang telah mempelawa untuk mengetahui potensi penggunaan kanabis dan ketum serta kerangka kerja undang-undang untuk kegunaan perubatan.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Anutin dan Kementerian Kesihatan Awam Thailand yang telah berjaya mengubah kanabis menjadi sesuatu yang membawa manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat Thailand," katanya.

Beliau berkata, penanaman kanabis menawarkan sumber pendapatan baharu untuk petani dan orang ramai.

Apabila ditanya sama ada Malaysia bercadang untuk membenarkan penggunaannya untuk tujuan perubatan, Khairy berkata "jika terdapat bukti klinikal yang membolehkannya."

"Pegawai kami masih meneruskan pertukaran maklumat teknikal" Khairy

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NEGARA**

Guna 100 peratus kepakaran tempatan, kejayaan kedua Hoshas dalam tiga tahun

## 120 pembedahan mata dalam 4 hari

Oleh **AZIZAH SHAFIEI**

**TEMERLOH** – Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) Temerloh sekali lagi melakar sejarah apabila berjaya melakukan 120 pembedahan mata secara besar-besaran tanpa penglibatan tenaga luar dalam tempoh empat hari bermula Isnin lalu.

Sebelum ini, kejayaan sama dilakar Hoshas pada 2019.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, pembedahan itu membabitkan 100 peratus tenaga kerja Hoshas dengan enam pakar oftalmologi, sembilan pegawai perubatan dan lebih 40 kakitangan sokongan hospital berkenaan.

"Hoshas turut mencatat sejarah dengan pembedahan mata yang ke 1,000 hari ini (semalam) dan diangka mencapai pembedahan ke 1,500 pada hujung tahun ini.

"Sehingga Julai lalu, jumlah pembedahan katarak tertunggak membabitkan 411 pesakit dan mereka terpaksa menunggu sehingga empat bulan untuk pembedahan. Namun, melalui karnival ini, masa menunggu hanya antara empat hingga enam

minggu sahaja," katanya selepas merasmikan Karnival Katarak Hoshas di sini semalam.

Karnival bermula 22 hingga 25 Ogos itu telah memberi manfaat kepada pesakit-pesakit dari lapan buah daerah iaitu Temerloh, Maran, Jerantut, Maran, Bera, Bentong, Raub dan Kuala Lipis.

"Karnival ini melibatkan pesakit berumur 60 tahun ke atas dengan majoritinya golongan berpendapatan rendah.

"Seramai 32 pesakit dalam golongan B40 serta asnaf telah menerima kanta intrakular secara percuma di bawah Skim Peduli Kesihatan B40 selain sumbangan dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang (Muip),"ujarnya.

Katanya, peningkatan usia individu antara faktor peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti katarak sekali gus menyebabkan penambahan pembedahan penyakit itu setiap tahun.

Justeru, kata Nor Azimi, karnival itu akan dilaksanakan dua kali setahun bermula 2023 bagi mengurangkan jumlah pesakit di samping mempercepatkan tempoh menunggu pembedahan katarak ini.



**NOR AZIMI** (tiga dari kanan) melawat seorang pesakit, Siti Fatimah Hussain yang telah menjalani pembedahan katarak di Hoshas Temerloh, semalam.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

## JKN mohon maaf, tiga kali tunda bedah pesakit

**ALOR SETAR** – Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menjelaskan pihaknya terpaksa menunda tarikh pembedahan seorang pesakit yang mengalami masalah ketulan pada bahu sebanyak tiga kali bagi memberi laluan kepada kes lebih serius dan perlu diberi keutamaan.

Pengarahnya, Dr. Othman Warijo berkata, pihaknya mensesan satu hantaran yang viral di Facebook pada kelmarin bertajuk *Hospital Kulim memang makin menjadi-jadi sekarang*.

Katanya, aduan tersebut berkaitan penundaan pembedahan seorang pesakit di hospital berkenaan sebanyak tiga kali.

“Merujuk kepada aduan itu, Jabatan Kesihatan negeri telah melakukan siasatan segera dan siasatan awal mendapati ia mengenai seorang pesakit lelaki yang mengalami masalah ketulan pada bahu.

“Nama pesakit telah dimasukkan dalam senarai pembe-

dahan elektif di hospital tersebut, namun ditunda beberapa kali bagi memberi laluan kepada kes-kes yang memerlukan pembedahan segera,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, pihak pengurusan hospital kemudian menghubungi pengadu melalui telefon dan menerangkan situasi sebenar dan individu terbabit dapat menerima penjelasan dengan baik, seterusnya bersetuju memadam hantaran berkenaan.

Othman berkata, Hospital Kulim adalah sebuah hospital pakar major yang mempunyai tiga bilik bedah.

“Dalam tempoh pemulihan perkhidmatan sekarang, kes-kes yang memerlukan pembedahan segera dan kecemasan seperti berkaitan trauma, kanser dan pembedahan caesarean serta kes-kes tertangguh dalam tempoh pandemik lalu akan diberi keutamaan berbanding kes lain,” ujarnya.



**HOSPITAL Kulim telah menunda pembedahan seorang pesakit yang mempunyai masalah ketulan pada bahu sebanyak tiga kali.**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 20**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## Artis merokok di khalayak ramai beri contoh buruk

**SHAH ALAM** - Isu artis merokok dan menghisap vape di khalayak ramai boleh menunjukkan contoh yang tidak baik kepada masyarakat terutama kepada kanak-kanak dan remaja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu tersebut dan berharap budaya merokok tidak menjadi ikutan kepada masyarakat di negara ini.

"KKM memandang serius terhadap isu berkaitan artis yang menonjolkan tingkah laku seperti merokok dan menghisap vape di khalayak ramai.

"Perbuatan ini menunjukkan contoh yang tidak baik kepada masyarakat sekeliling terutama kepada kanak-kanak dan remaja.

"KKM menyeru setiap lapisan masyarakat termasuk artis dan selebriti untuk membantu usaha KKM bagi memastikan perbuatan merokok dapat dijadikan sebagai satu budaya yang tidak diterima lagi dalam kalangan masyarakat," katanya dalam kenyataan.

Pada Ahad, tular sebuah video menunjukkan tindakan seorang selebriti tempatan yang tampil memperagakan jenama pakaian sambil memegang rokok pada satu pertunjukan fesyen.

## Penggunaan ganja hanya melibatkan tujuan perubatan, bukan untuk rekreasi - Khairy

**SHAH ALAM** - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan bahawa kemungkinan kebenaran penggunaan ganja di dalam negara hanya melibatkan tujuan perubatan.

Beliau berkata, langkah tersebut tidak membabitkan untuk tujuan rekreasi.

"Jika bukti klinikal terkumpul menunjukkan ganja selamat dan berkesan untuk tujuan perubatan, kita akan membuat rangka kerja kawal selia yang kukuh dan garis panduan amalan klinikal.

"Jangan risau, penggunaan rekreasi tidak akan dipertimbangkan," kata beliau di Instagram pada Rabu.

Khairy ketika ini sedang melakukan lawatan kerja bilateral kesihatan empat hari ke Thailand bermula Isnin lalu untuk meneroka potensi penggunaan kanabis dan ketum.

“

Jangan risau, penggunaan rekreasi tidak akan dipertimbangkan.”

dalam bidang kesihatan serta mengahadi Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kesihatan dan Ekonomi, Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Thailand merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang memberi kelonggaran undang-undang dan membenarkan penggunaan kanabis untuk tujuan perubatan.

Pada Julai lalu, Khairy berkata, kerajaan bakal mengumumkan satu kerangka kerja berhubung pendaftaran produk cannabidiol (CBD) tertentu.



Tangkap layar kenyataan Khairy yang dibuat di Instagram pada Rabu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

# 120 pembedahan mata dalam 4 hari

HoSHAS sekali lagi  
lakar sejarah berjaya  
lakukan pembedahan mata  
secara besar-besaran

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
TEMERLOH

**H**ospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) melakar sejarah sekali lagi apabila berjaya melakukan 120 pembedahan mata secara besar-besaran dalam tempoh empat hari.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, pembedahan itu berjaya dilakukan menerusi penganjuran Karnival Katarak HoSHAS melibatkan 30 pembedahan daripada lapan daerah di negeri ini tanpa penglibatan tenaga luar.

Menurut beliau, pembedahan mata secara besar-besaran dijalankan sepenuhnya oleh kakitangan Jabatan Oftalmologi HoSHAS terdiri daripada enam pakar, sembilan pegawai perubatan dan lebih 40 kakitangan sokongan hospital berkenaan.

"Pesakit terdiri daripada lapan buah daerah iaitu Temerloh, Maran, Jerantut, Maran, Bera, Bentong, Raub dan Lipis.

"Sehingga hari ini (Rabu), 1,000 pembedahan katarak telah dijalankan di HoSHAS dan dijangka mencapai 1,500 pembedahan pada hujung tahun ini," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita sempena perasmian karnival itu di HoSHAS pada Rabu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Pahang, Dr Wan Abdul Rahim Wan Ahmad, Pengarah HoSHAS, Dr Nor Azlina Abdul Aziz dan Ketua Jabatan Oftalmologi HoSHAS, Dr Halzul Ikhwani Murat.

Sebelum ini, Karnival Katarak HoSHAS merekodkan sebanyak 108 pesakit menjalani pembedahan secara besar-besaran pada tahun 2019.

Ujar beliau, sehingga Julai 2022, jumlah pembedahan katarak tertunggak adalah sebanyak 411 pesakit dan masa menunggu bagi pembedahan tersebut mencecah hingga empat bulan.

"Program ini dijangka dapat memendekkan masa menunggu pembedahan katarak dari empat bulan kepada enam minggu selepas ini.

"HoSHAS telah menjalankan 1,000 hingga 1,200 pembedahan katarak tahun lalu," jelas beliau.

Dalam pada itu, katanya, karnival tersebut melibatkan pesakit berumur 60 tahun ke atas yang majoritinya daripada golongan berpendapatan rendah.

"Seramai 32 pesakit golongan B40 serta asnaf telah menerima kanta intraokular secara percuma di bawah Skim Peduli Kesihatan B40 selain sumbangan dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang (Muip)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Nor Azimi menjelaskan, peningkatan usia individu



Nor Azimi (tiga dari kanan) melawat Siti Fatimah (duduk) yang turut menjalani pembedahan sempena Karnival Katarak HoSHAS.

antara faktor peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti katarak sekali gus menyebabkan penambahan pembedahan penyakit itu setiap tahun.

Sementara itu, seorang warga emas, Siti Fatimah Hussain, 79, dari Felda

Rentam, Bera bersyukur kerana berpeluang menjalani pembedahan sempena karnival tersebut.

"Saya jalani pembedahan pada mata kiri dan berharap dapat segera buat untuk mata kanan pula," katanya.

## HRPZ II lakukan prosedur derma organ dan tisu kadaverik pertama

**KOTA BHARU** - Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini melakar sejarah apabila buat julung kalinya berjaya melakukan prosedur pemindahan organ dan tisu kadaverik pada Jumaat lepas.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, prosedur berkenaan merupakan kali ketiga dilakukan di negeri ini selepas kali pertama dan kedua dilakukan pada 6 Ogos 2006 dan 25 Februari 2019 di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

Katanya, pendermaan organ kadaverik itu diuruskan oleh Unit Perolehan Organ Hospital dengan kerjasama Jabatan Ortopedik, Jabatan Forensik dan Jabatan Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi HRPZ II.

"Pihak JKNK mengucapkan takziah kepada keluarga penderma atas kehilangan orang tersayang. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada mereka atas tindakan murni tersebut.

"Semoga segala usaha keluarga pen-

derma ini dapat memberikan pahala yang berkekalan kepada penderma sekali gus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Zaini berkata, pihaknya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak polis dan Mahkamah Majistret Kota Bharu yang membantu melancarkan prosedur berkenaan.

"Selaras dengan konsep Keluarga Malaysia, JKNK menyeru semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, pangkat, agama dan bangsa terus menyokong serta sama-sama berikrar untuk mendermakan organ selepas meninggal dunia demi kepentingan pesakit yang memerlukan.

"Mengikut Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 1970, Islam juga mengharuskan pendermaan organ dan tisu setelah meninggal dunia. Organ dan tisu yang boleh didermakan antaranya jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, kornea mata, inap jantung, kulit dan tulang," katanya. -Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 27  
 RUANGAN : KESIHATAN.GAYA

# Kampung Sungai Jernih sahut cabaran bebas asap rokok

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI  
 utusannews@mediamula.com.my

**Z**ON larangan merokok lazimnya diwartakan di kawasan tertentu, namun Kampung Sungai Jernih di Lubok Cina, Alor Gajah, Melaka mengambil inisiatif lebih berani apabila mewujudkan perkampungan bebas asap rokok.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Jernih, Jaafar Atan berkata, kerajaan negeri memanggil semua pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk memberi penerangan mengenai program Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) pada 2010.

Selesai sahaja taklimat katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) mencabar siapa antara JKKK yang berani mengisytiharkan kampung mereka bebas asap rokok.

"Saya mewakili kampung atas tiket Panel Penasihat Kesihatan Lubok Cina kerana Pengerusi JKKK tidak dapat hadir. Hampir 20 buah kampung sanggup isytihar bebas asap rokok, tapi menurun kepada lima kampung selepas beberapa siri penerangan dibuat.

"KKM menetapkan syarat tidak boleh memiliki sebarang jenama rokok dalam rumah termasuk pada barang peribadi. Justeru, Kampung Sungai Jernih tampil untuk



KAIN rentang dipasang di Balai Raya Kampung Sungai Jernih, Lubok Cina, Melaka yang memaklumkan kawasan itu bebas asap rokok. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI



JAAFAR Atan menampal pelekat Rumah Bebas Asap Rokok di rumah seorang penduduk Kampung Sungai Jernih di Lubok Cina, Melaka yang mengambil bahagian dalam program MyHouse.

menyertai Komuniti Bebas Asap Rokok (KBAR) pada 2012 dengan peruntukan RM4,000 setahun," katanya.

Peruntukan tersebut diterima untuk tempoh dua tahun sehingga 2013. Selepas itu diperoleh melalui penglibatan dalam aktiviti Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospin).

Kata Jaafar, pada peringkat awal penduduk agak sukar memahami tindakannya menyertai KBAR kerana beliau sendiri mempunyai kedai runcit yang menjual rokok.

"KBAR bukan bermaksud mereka dipaksa berhenti merokok, tetapi sebagai medium mewujudkan persekitaran sihat. Sesiapa yang mahu sertai program ini

akan diberikan pelekat Rumah Bebas Asap Rokok (MyHouse).

"Institusi keluarga bermula di rumah dan jika tidak diberi kesedaran awal, orang lain yang tidak merokok akan menderita kesan buruknya.

"Saya ada menjual rokok di kedai runcit yang diwarisi daripada arwah ayah, tetapi saya bukan perokok. Setelah sertai KBAR, saya hentikan penjualan rokok perlahan-lahan dengan tidak menambah belakan baharu. Lama-kelamaan orang ramai dapat menerimanya dan usaha saya diikuti beberapa kedai runcit lain," katanya.

Kegiatan KBAR dilihat melalui perubahan sikap penduduk yang tidak lagi merokok secara terbuka di kawasan awam serta menghormati pendirian tuan rumah yang menyertai MyHouse.

Kampung Sungai Jernih layak digelar kawasan bebas rokok selepas 40 daripada 80 buah rumah menyertai MyHouse dan mereka komited memastikan tiada aktiviti menghisap rokok dalam kalangan ahli keluarga di rumah.

Gegantung dan papan tanda diletakkan di tempat awam seperti balai raya, masjid dan pintu masuk utama bagi memaklumkan pelawat memasuki kawasan larangan merokok.

Nyata kegigihan Kampung Sungai Jernih melaksanakan KBAR mendapat pengiktirafan apabila dianugerahkan Reben Biru oleh KKM pada 2018.

## Berhenti merokok selepas menyertai MyHouse

KEPUTUSAN berhenti merokok bukan satu tugas mudah lebih-lebih lagi sudah terjebak dengan aktiviti tidak sihat itu lebih 40 tahun lalu.

Bekas perokok tegar, Ilham Harun, 64, sudah lama berhasrat untuk meninggalkan tabiat merokok, namun usaha yang dilakukannya itu terhenti separuh jalan.

Dia yang mula merokok sejak berusia 15 tahun,

13 kali cuba berhenti merokok, akhirnya berjaya selepas menyertai program MyHouse.

"Umur saya sudah menginjak 57 tahun ketika berhenti merokok.

"Saya nekad berubah selepas menyertai MyHouse pada 2017 kerana sedar jika tidak mula dari rumah, bagaimana hendak tunjuk contoh baik kepada ahli keluarga dan masyarakat.

"Peringkat awal agak sukar, namun kerana komitmen program ini membuatkan saya kuat. Persekitaran yang diwujudkan MyHouse sangat berkesan sekaligus membantu saya berhenti," katanya.

Sementara itu, peserta MyHouse, Norizan Abdul Mulok, 57, berkata, dia menyertai program berkenaan pada 2012 kerana mahu

kediamannya bebas asap rokok.

Katanya, plak MyHouse ditampal di pintu masuk rumah membuatkan ahli keluarga serta tetamu yang datang menghormati pendiriannya yang tidak membenarkan aktiviti merokok.

"Banyak kesan buruk asap rokok kepada perokok pasif atau yang tidak merokok

seperti batuk dan kerosakan paru-paru.

"Ya turut mewujudkan rasa tidak selesa kerana menyebabkan orang lain sukar bernafas.

"Lama-kelamaan mereka faham dan hormati keputusan saya. Jika hendak merokok, boleh berbuat demikian di luar rumah, bawah pokok dan bukan di khalayak ramai," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/ NEWS

## We must prepare for new Covid wave, says Dr Noor Hisham

**KUALA LUMPUR:** A new Covid-19 wave could be on the horizon, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said this was based on the epidemiological development of the virus in other countries.

"Although we have entered the transitional phase (to endemicity), Covid-19 is not yet done and is still with us.

"We are not out of the woods yet, and must learn to live and

embrace a possible new Covid-19 wave in the future."

He said this at the 13th International Symposium of Health Sciences 2022 (i-SIHAT 2022 Symposium) at Universiti Kebangsaan Malaysia here yesterday.

Dr Noor Hisham reminded Malaysians to maintain public health preventive measures.

"Elderly groups and those with chronic health conditions are en-

couraged to boost their immunity with vaccines.

"We must continue wearing face masks indoors and in crowded places outdoors. These practices will contribute significantly to our safety."

He said Malaysia had been named one of the best countries globally for its vaccination programme, with a low rate of Covid-19 patients in categories three to five.

He said new daily cases and the number of patients hospitalised and admitted to intensive care units remained under control due to the national immunisation drive.

Despite having 98.1 per cent of the adults vaccinated and a 68.6 per cent booster uptake, people should remain cautious, he added.

He said the virus outbreak worldwide had been a source of

stress and adversity for many people.

"Resilience can help us get through and overcome hardship, but resilience is not something we are born with. It is built with time and experiences.

"We respond to stress and adversity to the pandemic differently. So what we can do right now is to build and strengthen our resilience to prepare for the future."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NATION

## 'Stable health finance system possible if budgets combine'

By RAGANANTHINI VETHASALAM  
raga@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Pooling the health budgets of employers together with federal and state governments could provide a more sustainable health financing system, said Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The former health minister mooted a National Health Care Fund which would also pool the annual healthcare spending of pension

funds, private health insurance companies and households.

He said the move should be considered by the government as an alternative or as an addition to increased spending.

Meanwhile, quality and fair-priced services from both the public and private sectors could be purchased with the fund, added Dr Dzulkefly.

Health Minister Khairy Jamaluddin has said that Malaysia's public healthcare expenditure is at

2.58% of the gross domestic product (GDP), which is considered low for an upper-middle income country.

Following this, Khairy said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had agreed for public healthcare expenditure to be gradually increased until it reaches 5% of the GDP.

While Dr Dzulkefly said he supported increased public expenditure for healthcare, he also underscored the importance of efficient

spending in the public healthcare sector as well as the need to nurture value-based private healthcare.

"Yes, I'm all for the expenditure on health to be increased.

"Despite the pandemic that has taken a huge toll on lives and livelihoods, I would like to remind the Federal Government that all that they could do in Budget 2022 was to see a miniscule increment of 1.5% in the Health Ministry's allocation from the previous year, arguably the smallest increment to the health

budget in more than a decade," he noted.

He also said there should be health financing reforms to allow strategic purchases to be secured based on the existence of a National Health Trust Fund that pooled health resources.

"With that in place, you get to have a well-governed health financing institution with a bigger impact on productivity and health outcomes, and more rumble for the ringgit," he added.